

Banjir Sebabkan Kerosakan Dan Kos Baik Pulih Yang Tinggi - Najib Bernama
Dec 30, 2014

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kejadian banjir kali ini luar biasa dan dahsyat berikutan kerosakan serius pada harta benda mangsa terlibat di beberapa negeri terutama Kelantan dan Terengganu.

Katanya skala kerosakan dan kemusnahan harta benda termasuk kemudahan asas amat serius yang akan melibatkan kos baik pulih yang tinggi.

"Skala kerosakan dan kemusnahan kali ini adalah sangat dahsyat, sangat serius dan kesan dari segi kerugian pada peringkat individu adalah besar.

"Ini tidak termasuk perbelanjaan tanggungan kerajaan dari segi baik pulih kemudahan asas seperti sekolah, jalan raya, masjid dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas melancarkan Skuad Cuci Banjir Wanita Umno di Menara Datuk Onn di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Najib memberi jaminan bahawa kerajaan akan membantu kesemua mangsa banjir yang terlibat selepas keperluan bantuan bagi setiap individu dikenal pasti.

Perdana Menteri berkata, sebagai permulaan kerajaan akan membina rumah sementara (rumah panjang) sebagai tempat perlindungan sementara kepada mangsa banjir dan akan disusuli dengan pembinaan rumah-rumah baharu.

"Saya ingin tahu bilangan keluarga yang rumah mereka musnah sama sekali termasuk lokasi, namun dari segi peruntukan dan sebagainya, kita akan putuskan kemudian," katanya.

Terdahulu, Skuad Cuci Banjir yang dilancarkan Perdana Menteri akan berperanan membantu mangsa-mangsa banjir membersihkan rumah yang berlumpur selain membantu mereka mengasingkan peralatan yang masih boleh digunakan.

Katanya, sebanyak 100,000 anggota skuad akan digerakkan dan jumlah itu akan bertambah dari semasa ke semasa sehingga banjir kembali pulih sepenuhnya.

Najib turut melancarkan Pusat Bantuan Banjir yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh Pergerakan Wanita Umno sepanjang bencana banjir ini dan akan beroperasi setiap hari bermula 9 pagi hingga 12 tengah malam di Menara Datuk Onn.

"Semua bahagian Umno atau orang ramai yang ingin menyalurkan bantuan boleh menghubungi talian ibu pejabat Umno iaitu 03-4042 9511 atau 03-4048 2788 bagi tujuan tersebut," kata Najib yang juga Presiden Umno.

Najib berkata pengagihan bantuan akan disalurkan terus kepada mangsa banjir melalui pentabdiran bahagian dan cawangan Umno bagi memastikan kesemua mangsa menerima

bantuan yang dihulurkan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil mengucapkan terima kasih kepada semua yang menghulurkan bantuan yang akan dibawa Skuad Sayang ke negeri-negeri terjejas akibat banjir.

Katanya, dalam usia enam tahun penubuhan skuad itu, pelbagai kerja kemasyarakatan dan kebajikan telah dilaksanakan dengan baik dan akan diteruskan tanpa mengira waktu serta jenis bencana.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097033>